



Pendidikan sivik dan agama bentuk peribadi mulia

Saodah Abd. Rahman



PERMASALAHAN buli dapat ditangani melalui latihan disiplin diri yang tegas disertai dengan pengisian ilmu agama dan kerohanian. GAMBAR HIASAN/UTUSAN

23 Jun 2017 12:00 PM

7

BERITA kanak-kanak dan remaja dibuli dan dicederakan sehingga mati semakin hari kian ketara. Perkara begini jika tidak ditangani secara serius akan memberi kesan buruk dalam proses pembentukan keperibadian generasi muda dalam negara ini. Mengikut fitrah remaja dalam lingkungan belasan tahun tidak akan berani bertindak secara agresif mencederakan rakan seperti membunuh binatang dan seumpamanya. Tambahan pula kejadian begini wujud dalam institusi pendidikan tinggi di mana graduan daripada universiti tersebut adalah harapan masyarakat untuk menjamin keamanan dan keharmonian negara.

Remaja dalam lingkungan umur 20-an sepertutnya sudah baligh dan mempunyai akal waras untuk menilai sesuatu yang baik dan buruk. Sebagai remaja Islam yang dibesarkan dalam negara yang prihatin terhadap pendidikan agama maka kejadian

mencederakan rakan sehingga menyebabkan kematian adalah satu perbuatan amat kejam. Bulan Ramadan adalah satu bulan di mana kekuatan syaitan dan jin-jin yang degil dilemahkan oleh Allah SWT dengan tujuan memberi peluang kepada umat Islam supaya memperbaiki diri secara mematuhi disiplin berpuasa.

Perkara ini dijelaskan oleh Rasulullah SAW dengan sabdanya: "*Apabila masuk malam pertama bulan Ramadan, maka syaitan-syaitan dan jin-jin yang degil (kuat) dirantai dan diikat.*" (*Hadis riwayat Tirmizi, Ibnu Majah, al-Baihaqi dan lain-lain*).

Jika perbuatan kejam dan tidak berperikemanusiaan dilakukan oleh umat Islam dalam bulan yang mulia ini maka perbuatan tersebut adalah berkaitan dengan akhlak dan tingkah laku yang sudah sebatи dalam jiwa mereka. Individu yang gemar membuli dan mencederakan rakan-rakan sudah dipengaruhi oleh nafsu al-ammarah di mana nafsu ini membentuk keperibadian ganas dan tidak berperikemanusiaan. Apabila nafsu ini sudah sebatи dalam sanubari mereka maka mencederakan rakan-rakan adalah satu kegemaran dan kepuasan pada diri mereka. Jika graduan universiti mempunyai ciri-ciri begini maka hancurlah masyarakat dan negara.

Pelajar universiti adalah individu yang dipilih berdasarkan kepada pencapaian akademik, kematangan dan keperibadian mulia. Kerajaan melaksanakan pelbagai perancangan berkaitan masa hadapan rakyat dan negara. Para pelajar dari universiti yang menekankan aspek pertahanan dan keselamatan negara sepertutnya mempunyai keperibadian dan tingkah laku yang dihormati kerana mereka dilatih dan diasuh dengan disiplin tinggi dan sanggup mengorbankan diri demi keselamatan negara.

Individu-individu yang dilatih dalam aspek keselamatan dan pertahanan negara sepertutnya mempunyai semangat setiaawan yang tinggi kerana matlamat perjuangan mereka adalah sama. Perbuatan mendera dan mencederakan rakan seperjuangan sehingga mati adalah perbuatan kejam yang tidak sepertutnya berlaku dalam institusi pertahanan nasional dalam negara ini. Sejauh manakah keberkesanan latihan dan didikan di institusi tersebut menjadi persoalan masyarakat dalam negara ini kini? Sepertutnya latihan kerohanian dan jati diri dijadikan pelengkap kepada kursus yang ditawarkan kepada pelajar. Jika mata pelajaran agama dan latihan kerohanian sudah dilaksanakan di institusi berikut maka persoalannya sejauh manakah ilmu dan latihan itu dapat memberi kesan terhadap pembentukan keperibadian dan jati diri pelajar?

Sifat belas kasihan dan rasa bertanggungjawab antara satu lain perlu dipupuk di peringkat persekolahan dan institusi pengajian tinggi supaya pelajar dapat merasai bahawa hubungan sesama manusia adalah penting dalam kehidupan. Perasan dan sifat begini hanya dapat dipupuk apabila sekolah dan institusi pengajian tinggi menekankan aspek keagamaan dan kerohanian dalam sistem pendidikan mereka.

Apabila wujud kelompok pelajar yang gemar membuli rakan-rakan sehingga ke tahap mencederakan dan maut maka situasi di sekolah atau institusi pengajian tersebut adalah tidak sihat. Oleh itu, sistem pembelajaran dan pentadbirannya perlu dikaji dan disemak semula. Penekanan terhadap pendidikan kerohanian dan sivik perlu diperkuuhkan supaya setiap pelajar dapat menghayati ajaran agama secara sempurna.

Permasalahan ini hanya dapat ditangani melalui latihan disiplin diri yang tegas disertai dengan pengisian ilmu agama dan kerohanian. Ini adalah tugas utama golongan pensyarah agama yang ditugaskan di institusi tersebut kerana mereka ialah individu-individu diamanahkan oleh Allah dan negara mendidik dan mengasuh pelajar mengenai konsep kehidupan di dunia dan di akhirat seperti Firman Allah dalam Surah 9 (al-Taubah): 122 yang bermaksud: "Tidak sepertutnya bagi orang yang mukmin itu semua-

nya (ke medan perang). Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalamkan pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga dirinya”.

Didikan agama bukan sekadar memberi ilmu sahaja malah merangkumi aspek praktikal dalam pelbagai perancangan yang boleh menarik minat pelajar mencebur program agama dan membangkitkan hati nurani dan pemikiran mereka agar menjadi orang yang beriman dan menghayati ajaran Islam.

Konsep kemanusiaan dan kasih sayang sesama insan adalah salah satu intisari pengajian Islam yang perlu disemarakkan dalam sistem pendidikan negara sepetimana sabda Rasulullah SAW: “Allah menciptakan rasa kasih sayang itu menjadi seratus bahagian. Sembilan puluh sembilan daripadanya disimpan di sisi-Nya, sedangkan satu bahagian diturunkan ke bumi. Dengan kasih sayang yang satu bahagian itulah para makhluk saling berkasih sayang, sehingga kuda pun mengangkat kakinya kerana takut anaknya terinjak.” (Hadis riwayat Muslim).

Berdasarkan kepada pelbagai kejadian kekejaman dan tidak berperikemanusiaan dalam kalangan kanak-kanak dan remaja maka sistem pendidikan negara perlu menyeimbangkan kepentingan pendidikan keagamaan dan sivik seiring dengan pendidikan konvensional supaya generasi muda dapat menjadi pemangkin negara dan masyarakat yang berwibawa dan dihormati.

Prof. Madya Dr. Saodah Abd. Rahman berkhidmat di Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Tag Berkaitan

Pendidikan Agama

Pendapat

ARTIKEL BERKAITAN



Pandangan IKIM /

Menuntut ilmu perlu panduan
Md. Asham Ahmad



Tambah bilangan guru agama



Agama tonggak kesejahteraan masyarakat
Mohamad Abdullah

Dari Jendela Tok Ki /

Tujuh resolusi warshah tepat pada masanya

Dimensi /

Hari Guru sebagai cuti umum...

Pantau sekolah berasrama

VIDEO TERKINI





ECRL Pantas, selesa dan berkelas dunia



Adnan Hassan kongsi ilmu rekaan fesyen



Kapsul Berita 14 Ogos 2017

Yang begini ini ni - Ammy Farra versi Unplugged

Salimey, Ammy Farra dan Sherrie Al-Junied 'wakil' generasi, negara

Kapsul Berita 11 Ogos 2017

VIDEO PILIHAN



Kuala Lumpur
@KL2017

Catch the #KL2017 Torch Run in W. P. Kuala Lumpur here:
<https://t.co/QkNEhg8ITS>
#RisingTogether
#BangkitBersama



Kuala Lum
@KL2017

#RisingToget
#KL2017 Tor
Putrajaya. Fu
<https://t.co/8>
#BangkitBersama

Kuala Lumpur
@KL2017



Kuala Lumpur
@KL2017



ARTIKEL LAIN



Saya tak mahu jadi ahli politik - Wahid



Banjir: Ratusan penduduk, sebuah sekolah, dua daerah di Kedah terjejas



Laluan alternatif Jalan Bangi Lama siap 80 peratus



Sukan SEA 2017 / Bola jaring Malaysia terus cemerlang



Beg jelikkan PM: Polis siasat di bawah Akta Hasutan



Sukan SEA 2017 / Polo air wanita: Thailand 'belasah' Malaysia

55,000 Jalur Gemilang diagihkan kepada orang ramai

Perspektif / Pemasaran digital: Lebih mudah lebih berkesan

Iklan



Berita	Rencana	Wilayah	Hiburan	Sukan	Bisnes	Pendidikan	Video
Terkini	Utama	Johor	Berita	Bola Sepak	Ekonomi	Umum	Terkini
Berita Utama	Bisik-bisik	Kedah	Selebriti	Badminton	Korporat	Sekolah	Isu Semasa
Utusan Live	Cuit	Kelantan	Muzik	Lumba Kereta	Usahawan	Kampus	Bisnes
Nasional	Selak	KL & Putrajaya	Filem & Drama	Lumba Motorsikal	Automotif	Sastrawati	Pemotoran
Politik	Kolumnis	Melaka	Rancangan TV	Basikal	Hartanah	Agama	Gaya Hidup
Parlimen	Forum	Negeri Sembilan	Seni & Budaya	Golf	Teknologi		Hiburan
Jenayah	Agama	Pahang		Hoki	Saham & Wang	Sains & Teknologi	Agama
Mahkamah	Blog	Perak	Gaya Hidup	lain-Lain			Politik
		Sukan	Perlis	Rekreasi	Rencana Sukan	Sains	
Luar Negara		Pulau Pinang	Permotoran			Teknologi	
Asean		Sabah	Pelancongan			Inovasi	
		Sarawak	Keluarga			Gedjet	
		Selangor	Kesihatan			Pertanian	
		Terengganu	Fesyen			Alam Sekitar	

Kumpulan Utusan

Kumpulan Utusan | Kosmo! | Tutor | Saji Online | disini.my | MyBooks | Job House | Utusan Karya

Jom Iklan | Mengenai Kami | Terma & Syarat Policy

WWW.UTUSAN.COM.MY © 1997-2017 UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

No. 44, Jalan Utusan, Off Jalan Chan Sow Lin, 55200 Kuala Lumpur.